

04/09/2002

PM akui wujud perbezaan pendapat

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, memang wujud perbezaan pendapat berhubung kaedah pelaksanaan pengajaran subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, mulai tahun depan.

Perdana Menteri berkata, ada pihak menyarankan supaya dua subjek itu diajar dalam bahasa Inggeris bermula pada peringkat sekolah menengah dan bukan pada peringkat sekolah rendah seperti dicadangkan kerajaan.

"Ada juga yang cadang supaya dimulakan di tahap empat dari sekolah rendah. Jadi kita masih timbang dan belum buat keputusan," katanya selepas merasmikan Persidangan Cukai Nasional ke-2 di Seri Kembangan di sini, hari ini.

Katanya, Kabinet masih mendengar pandangan pelbagai pihak yang mewakili semua kaum, sebelum membuat keputusan muktamad berhubung kaedah pelaksanaan dasar itu.

"Sudah tentu saya mesti membincangkannya dengan Kabinet. Ia bukan urusan saya, ini urusan Kementerian Pendidikan. Takkan saya nak melangkaui dia (Kementerian Pendidikan), saya kena tanya dia," katanya.

Beliau mengulas sama ada persiapan kerajaan untuk menyediakan peralatan dan prasarana teknologi maklumat (IT) termasuk komputer di sekolah rendah akan terjejas jika kerajaan melaksanakan penggunaan bahasa Inggeris bagi dua subjek itu di peringkat sekolah menengah.

Semalam, Persekutuan Dewan Perniagaan dan Industri Cina (ACCCIM) dan kumpulan yang mewakili tujuh pertubuhan utama kaum Cina, meminta pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dilaksanakan di sekolah menengah.

Dalam pertemuan lebih sejam dengan Dr Mahathir di Putrajaya petang semalam, ACCCIM mahu bahasa ibunda dikekalkan bagi pengajaran kedua-dua mata pelajaran itu di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC).

Kumpulan yang mewakili tujuh pertubuhan utama kaum Cina yang tidak menentang pelaksanaan dasar itu, juga berharap kerajaan menimbang melaksanakannya di sekolah menengah.

Dr Mahathir berkata, apa pun keputusan yang akan dibuat, kerajaan tetap menyediakan peralatan dan prasarana IT termasuk komputer di sekolah rendah sejajar usaha meningkatkan pembelajaran bahasa Inggeris.

Katanya, ACCCIM dan kumpulan yang mewakili tujuh pertubuhan utama kaum Cina bersetuju dengan usaha kerajaan meningkatkan pengajaran bahasa Inggeris.

"Seperti yang kita lihat semalam, semua mereka bersetuju dengan peningkatan pengajaran bahasa Inggeris dan ini bermakna komputer dan peralatan lain diperlukan," katanya.

Sebelum ini, parti Gerakan juga mencadangkan supaya bagi peringkat sekolah rendah, bahasa ibunda masing-masing dikekalkan sebagai bahasa pengantar dan pada masa sama mahu pengajaran Sains dan Matematik diperbaiki.

Parti itu juga mahu terminologi Sains dan Matematik diperkenalkan dalam bahasa Inggeris bermula dari Tahun Empat hingga Enam dengan teks dwibahasa bagi Tahun Lima dan Enam, dilengkapi petikan Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Isu pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris menjadi hangat apabila tiga pertubuhan, iaitu Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina (Jiao Zhong), Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zhong) dan Dewan Perhimpunan Cina Selangor (DPCS) bertekad

tidak mahu menerima cadangan pelaksanaan itu.

Penentangan itu dibuat atas alasan ia boleh menghakis budaya masyarakat Cina di samping menjejaskan prestasi akademik pelajar dalam kedua-dua subjek berkenaan.